

Ceramah Akademik dapat sambutan pensyarah SPKAL, SSIL

UB 17/02/2012 B12

LABUAN: Ceramah Akademik Siri 2/2012 anjuran Bahagian Perkhidmatan Akademik (BPA), Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) berjaya menarik kehadiran ahli akademik di universiti itu.

Ceramah yang diadakan di Podium B, Bangunan Menara UMS-KAL itu, pagi kelmarin itu disampaikan oleh Pengarah Pusat Perkembangan Akademik UMS, Prof Dr Markus Jopony.

Beliau menyampaikan ceramah bertajuk "Kecemerlangan Akademik di UMS: Isu dan Cabaran" dalam program yang dihadiri kira-kira 70 pensyarah Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) dan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PIIB).

Menurut Penolong Pendaftar Kanan, BPA, Roslan Gimba, selain ceramah akademik, Markus juga menyampaikan taklimat mengenai Audit Kesediaan Autonomi UMS serta sesi soal jawab bersama pensyarah.

Beliau yang juga pengerusi



SHARIFF (tiga kanan) menyampaikan cenderamata kepada Markus sambil diperhatikan Zamri (dari kanan), Roslan dan Norazah selepas Ceramah Akademik Siri 2/2012 peringkat UMS-KAL, kelmarin.

jawatankuasa penganjur berkata, ceramah itu dirasmikan oleh Pengarah UMS-KAL, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang.

Turut hadir Pemangku Dekan SPKAL, Prof Madya Dr Norazah Mohd Suki, Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohd Tuah, ketua-ketua bahagian dan pegawai kanan serta kakitangan sokongan.

Markus berkata, ahli akademik perlu cemerlang dalam pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan pembangunan

selaras dengan tugas utama mereka sebagai pensyarah.

Katanya, pensyarah UMS wajar merebut peluang untuk memenangi pelbagai Anugerah Akademik Negara sama ada di peringkat UMS, kebangsaan mahupun antarabangsa.

"Ahli akademik perlu menunjukkan prestasi yang memberangsangkan untuk melayakkan mereka dicalonkan dalam pelbagai anugerah di peringkat UMS, kebangsaan dan antarabangsa," katanya.